

Authors: Marryan Razan

News: The New Sabah Times

Date: 07 May 2010

Language: Malay

Subject: Agriculture

Page: 9

# Rancangan jadikan UMS universiti di dalam taman

OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) merancang untuk menjadikan kawasan universiti itu sebagai universiti di dalam taman yang bakal menjadi tarikan pelancong ke negeri ini.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr.Kamaruzaman Hj Ampon berkata, usaha ke arah itu sedang giat dilaksanakan termasuk penanaman pokok-pokok yang sesuai di sepanjang jalan di dalam kawasan kampus berkenaan.

Katanya selain itu, universiti itu juga telah mewujudkan Taman Botani sebagai sebahagian daripada usaha menjadikan misi UMS menjadi universiti dalam taman.

"Memang pada peringkat awal pembinaan universiti ini dirancang sedemikian rupa, dimana pelbagai jenis pokok ditanam di kawasan kampus supaya kita merasai suasana hutan

yang mempunyai persekitaran yang segar dan hijau.

"Kita mahu mengekalkan kehijauan kampus sebagai sebahagian daripada usaha membangunkan dunia intelek, dan kalau boleh kita mahu UMS ini menjadi tarikan pelancong," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Taman Botani UMS di kampus induknya di sini, kelmarin.

Turut hadir, Dekan Sekolah Perhutanan Tropika dan Antarabangsa Prof Madya Dr. Mahmud Saudin.

Kamaruzaman berkata UMS melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) akan menanam koleksi spesies pokok hutan yang jarang ditemui seperti pokok belian dan seraya (meranti) dan pokok putat yang menjadi asas kepada nama pekan Putatan di kawasan itu.

"Banyak lagi pokok dan tumbuh-tumbuhan yang akan ditanam di kawasan taman botani ini, namun se-

mua ini tidak dapat dilihat untuk masa sekarang tetapi 20 atau 30 tahun akan datang...untuk dinikmati dan dibangunkan oleh anak-cucu kita atau generasi akan datang," katanya.

Terdahulu itu ketika berucap, Kamaruzaman berkata Taman Botani UMS bakal menjadi pusat pembelajaran serta rujukan berkenaan ilmu botani, ekologi, fenologi, etnobotani, biologi fauna dan flora termasuk tumbuh-tumbuhan dari spesies di kepulauan Borneo.

Beliau berkata, selain menjadi pusat himpunan tumbuh-tumbuhan, taman itu juga akan menjadi tempat riadah yang menarik dan dilengkapi dengan laman tinjau (pavillion) serta boleh melihat keindahan pemandangan panorama bandaraya Kota Kinabalu, Teluk Sepanggar dan banjaran Crocker.

Beliau turut menyambut baik inisiatif Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) yang berjaya merealisasikan pewujudan taman

botani tersebut.

Kamaruzaman berkata, idea pewujudan Taman Botani UMS itu timbul selepas lawatan beliau bersama pendaftar UMS ke beberapa universiti di Eropah.

"Kami berpeluang melihat keindahan Taman Botani Technical University of Dresden di Tharandt, Jerman yang merupakan taman botani dan arboretum tertua di dunia berusia 300 tahun.

"Di samping itu kami juga berpeluang melawat taman botani yang menjadi perkarangan istana kerabat DiRaja Jerman...pemandangannya sangat menarik dan menyegarkan minda," katanya.

Menyedari hakikat bahawa taman botani sangat bermanfaat dan mampu memberikan pelbagai faedah kepada seluruh warga universiti, maka pada 7 Januari tahun ini, pihak pengurusan UMS bersetuju agar SPTA membangunkan sebuah Taman Botani di hutan bukit UMS.